

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. QUAH PERNG FEI  
(BANDAR BARU KLANG)**

**TAJUK : PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (SME)**

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan program atau bantuan kewangan yang ditawarkan kepada perusahaan kecil dan sederhana di negeri Selangor?
- b) Sila senaraikan jumlah bantuan yang diberikan kepada penerima mengikut DUN Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

a) Tuan Speaker,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri menyediakan pelbagai bentuk bantuan perniagaan untuk menyokong pembangunan usahawan di negeri ini. Berikut merupakan bantuan geran, pinjaman mikrokredit dan program yang ditawarkan kepada usahawan yang menjalankan perniagaan :

**i. Geran Dana Usahawan Madani Selangor (DUMS)**

Bantuan ini diberikan kepada usahawan melalui sembilan (9) daerah di Negeri Selangor yang bertujuan membantu usahawan kecil dan sederhana untuk meningkatkan produktiviti dengan menyediakan bantuan dalam bentuk peralatan perniagaan sehingga RM30 ribu. Program ini terbuka kepada semua sektor perniagaan termasuk industri kreatif. Sebanyak RM2 juta diperuntukkan untuk pelaksanaan program bantuan DUMS pada tahun 2025.

## **ii. Latihan Keusahawanan**

Program ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Keusahawanan, Unit Perancang Ekonomi Negeri dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti INSKEN, MARA, HIJRAH SELANGOR dan Bahagian Pembangunan Usahawan, PKNS. Bagi tahun 2025, Program Liga Usahawan Selangor (SAY Lead dan Aspire Export) akan dilaksanakan dengan kerjasama Selangor Youth Community (SAY), untuk membangunkan usahawan dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00. Liga Usahawan Selangor merangkumi 2 kategori yang memberi fokus kepada usahawan *eksport ready* dan usahawan kelainan upaya (OKU). Kelompok sasaran bagi program ini adalah usahawan yang beroperasi di Negeri Selangor yang mempunyai potensi untuk dikembangkan ke pasaran rantai dan pasaran eksport, serta usahawan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU).

## **iii. Pinjaman Mikrokredit Hijrah Selangor**

HIJRAH Selangor menyediakan pinjaman kewangan secara berperingkat bermula tahun 2020. Ia merupakan satu sistem pembiayaan modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penaja dan peniaga kecil yang menghadapi masalah kekurangan modal, dan peluang mendapatkan modal tambahan. Pinjaman berperingkat ini dikategorikan mengikut skim 1 – 4 dan jumlah kelulusan diberikan sehingga RM50,000.00 mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Selain itu terdapat beberapa program lain di bawah agensi ini seperti berikut:

a. NADI (Skim Niaga Darul Ehsan)

Bantuan ini berbentuk pinjaman modal dari RM1,000.00 - RM50,000.00 khusus untuk wanita yang ingin memulakan perniagaan. Pembiayaan ditawarkan dalam tempoh enam (6) bulan sehingga tiga (3) tahun.

b. Skim i-Bisnes

Menawarkan modal tambahan berbentuk kewangan sehingga RM50,000.00 kepada individu yang sudah menjalankan aktiviti perniagaan di Negeri Selangor sekurang-kurangnya 2 tahun bagi mengembangkan lagi perniagaan yang sudah diusahakan. Pembiayaan ditawarkan dalam tempoh sehingga lima (5) tahun.

**iv. Ekspo/ Pameran Keusahawanan**

Salah satu inisiatif bagi mengembangkan lagi pasaran produk para usahawan di Negeri Selangor adalah melalui penyertaan dalam ekspo dan pameran. Usahawan yang berkeelayakan akan ditawarkan untuk menyertai ekspo/ pameran ini bagi mewakili delegasi Negeri Selangor di ekspo/ pameran tempatan atau antarabangsa dalam memasarkan produk dan meningkatkan pendapatan.

**v. Program U-PLATS**

Program Pembangunan Usahawan PLATS (U-PLATS) merupakan program latihan yang ditawarkan di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mempersiapkan peniaga ke arah digitalisasi. Program U-PLATS menawarkan beberapa fasa dan modul khas seperti berikut :


- a. Fasa 1 memfokuskan kepada adaptasi digitalisasi dan penajaan gandaan pendapatan. Di dalam fasa 1 juga, usahawan dididik untuk memastikan kewujudan perniagaan di dalam platform digital dan pembinaan kandungan kreatif seperti di tiktok untuk mengiklankan perniagaan mereka.
  - b. Fasa 2 pula memfokuskan kepada perkemasan perniagaan sehingga mendapat pensijilan halal.
  - c. Fasa 3 memfokuskan kepada "*expand dan export*" untuk memastikan kelangsungan perniagaan dan membuka peluang pekerjaan.
- b) Untuk makluman Yang Berhormat, Pentadbiran ini tidak mempunyai data spesifik mengikut DUN di Selangor. Walau bagaimanapun, berdasarkan data penerima DUMS yang dikategorikan mengikut daerah bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH         | BILANGAN PERMOHONAN DILULUSKAN | JUMLAH       |
|-----|----------------|--------------------------------|--------------|
| 1   | PETALING       | 19                             | RM398,692.80 |
| 2   | HULU LANGAT    | 14                             | RM279,710.50 |
| 3   | GOMBAK         | 14                             | RM241,542.00 |
| 4   | KUALA LANGAT   | 10                             | RM145,372.00 |
| 5   | SABAK BERNAM   | 6                              | RM128,784.00 |
| 6   | KLANG          | 13                             | RM218,425.00 |
| 7   | KUALA SELANGOR | 19                             | RM234,593.00 |
| 8   | HULU SELANGOR  | 4                              | RM35,603.00  |
| 9   | SEPANG         | 5                              | RM106,422.00 |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. QUAH PERNG FEI  
(BANDAR BARU KLANG)**

**TAJUK : PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (SME)**

Disediakan oleh

:   
.....  
**ZURAINI HARUN**  
Ketua Penolong Pengarah  
Seksyen Sektoral  
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor  
b/p Setiausaha Kerajaan Negeri  
Selangor Darul Ehsan

**DR. NORHANA BINTI ABDUL MAJID**

Timbalan Pengarah (Seksyen Sektoral)

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

Tel No. : 03-5544 7160

Tarikh : 19 Februari 2025

Disemak oleh

:   
.....  
**NORHANA BINTI ABDUL MAJID**  
Timbalan Pengarah


b/p **DATO' JOHARY BIN ANUAR**

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

Tel No. : 03-5544 7142

Tarikh : 19 Februari 2025

Disahkan oleh

:   
.....  
**Y.B. TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI**

EXCO Kerajaan Negeri Selangor

Jawatankuasa Tetap Belia, Sukan dan  
Keusahawanan

Tel No. : 03-5544 7306

Tarikh : 19 Februari 2025